



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

178 KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH AWAM DAN SWASTA DI KUALA LUMPUR TERIMA MANFAAT DARIPADA PROGRAM MYGROCER@WILAYAH

KUALA LUMPUR, 24 Oktober 2020 - Sebanyak 178 kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat manfaat daripada program MyGrocer@Wilayah yang diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui DBKL bagi mengurangkan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah (B40). Program ini memperkenalkan konsep pasar bergerak yang menjual barangan dapur dan makanan asas harian yang segar, berkualiti serta murah secara terus ke kawasan perumahan yang dikenalpasti.

Harga jualan yang ditawarkan oleh pengusaha trak MyGrocer@Wilayah juga adalah 5 hingga 20 peratus lebih murah daripada harga di pasar awam. Antara barangan yang dijual melalui trak jualan ini meliputi barangan basah dan keperluan harian termasuk barang-barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gula, tepung gandum serta beras. Justeru program ini membolehkan, golongan B40 yang hendak membeli barang tidak perlu mengeluarkan tambang pengangkutan untuk ke pasar sekaligus dapat mengurangkan pergerakan mereka bersesuaian dengan situasi semasa yang masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Program ini telah beroperasi sejak 29 Ogos 2020 di sepuluh (10) lokasi iaitu di PA Desa Tasik, PPR Air Panas, Taman Segambut, PPR Seri Alam, PPR Desa Tun Razak, PPR Kerinchi, PPR Seri Kota, PA Seksyen 10 Wangsa Maju, PPR Jalan Ikan Emas dan PPR Seri Pahang sebagai projek rintis. Kini, operasi trak MyGrocer@Wilayah diperluaskan ke 36 lokasi dengan menggunakan 4 trak mengikut jadual yang ditetapkan.

Program MyGrocer@Wilayah ini adalah salah satu inisiatif di bawah Program Kemiskinan Bandar di Wilayah Persekutuan yang dilaksanakan secara kerjasama strategik bersama Perbadanan Nasional (PNS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Inisiatif Kedai Ekonomi (i-KeeP) dan beberapa syarikat swasta. Ia dilaksanakan secara berfasa di 36 lokasi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Kementerian Wilayah Persekutuan berharap program ini dapat membantu warga Wilayah Persekutuan mengurangkan perbelanjaan harian mereka melalui pembelian yang dibuat di trak MYGrocer@Wilayah. Kawasan-kawasan perumahan kos rendah swasta dan kampung tradisi lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga akan turut menikmati manfaat MYGrocer@Wilayah ini.